

07 MAY 1998

PERDANA MENTERI TIDAK UMUMKAN KETUA MENTERI BARU SABAH HARI INI

KOTA KINABALU, 7 Mei (Bernama) -- Cakap-cakap mengenai siapa yang akan menjadi Ketua Menteri Baru Sabah nampaknya akan berterusan untuk beberapa hari lagi berikutan keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk tidak mengumumkannya hari ini, tidak sebagaimana yang dijangkakan.

"Saya tidak akan mengumumkan nama Ketua Menteri Baru itu hanya kerana saya datang ke sini untuk mendengar dan bercakap kepada para pemimpin (Barisan Nasional negeri) untuk menjelaskan mengenai masalah yang kita sedang hadapi dan perlunya kita mempunyai kerajaan yang kuat di Sabah," katanya pada satu sidang berita sempena lawatan singkatnya ke sini.

Perdana Menteri berkata beliau akan mengumumkan mengenai perkara itu (pelantikan Ketua Menteri Baru menggantikan Datuk Yong Teck Lee) selepas pemergiannya ke Cairo selama enam hari mulai Jumaat ini untuk lawatan rasmi dan menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan G-15.

-- BERNAMA

JS WAT